

## KOMITMEN LEMBAGA PENGURUSAN

Sistem pengurusan kami (Sistem SHEQ) adalah berdasarkan piawaian antarabangsa yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, pengurusan alam sekitar dan tenaga, keselamatan dan kualiti makanan, termasuk semua peraturan berkanun dan peraturan, undang-undang serta komitmen sukarela lain yang terpakai.

**Semua pekerja diminta untuk mematuhi peraturan ini, terutama yang berkaitan dengan:**

### KESELAMATAN DAN KESIHATAN

- Pencegahan kecederaan dan penyakit dalam kalangan pekerja adalah keutamaan kami
- Langkah-langkah keselamatan dan kesihatan pekerjaan mestilah terus dipertingkatkan dalam bidang kebertanggungjawapan setiap pekerja
- Ini termasuk pengaruh setiap pekerja ke atas produk serta proses dan persekitaran kerja.

### KEPUASAN PELANGGAN

- Kepuasan pelanggan adalah berdasarkan keupayaan produk kami dalam memenuhi tujuan yang diharapkan
- Rekaan kefungsian produk dan proses pengeluaran kami yang selamat memastikan kualiti produk isian pelanggan kami tidak terjejas sepanjang proses pengangkutan dan penyimpanan
- Pembangunan lanjutan yang berterusan memastikan dan meningkatkan produk, proses dan perkhidmatan kami
- Setiap pekerja menyumbang kepada kepuasan pelanggan dengan melaksanakan tugasannya mereka. Ini dapat mewujudkan budaya kualiti dan keselamatan makanan di kalangan kami, yang mana ia dibangunkan dan dipantau secara berterusan menggunakan indikator yang sesuai

### KELESTARIAN

- Proses, Produk dan Perkhidmatan terus dipertingkatkan sepanjang rantai nilai untuk:
  - Mengelakkan pencemaran
  - Mengurangkan penggunaan sumber
  - Meningkatkan prestasi berkaitan tenaga
  - Meningkatkan bahagian produk yang digunakan semula di samping mematuhi semua keperluan kualiti
  - Menjalankan kewajipan penjagaan di dalam rantai pembekal
- Kemahiran dan kelayakan pekerja kami terus dipertingkatkan dengan menyediakan latihan dan peluang pembangunan profesional yang meluas

### KEBERKESANAN

- Proses dirancang, dilaksanakan dan terus diperbaiki dengan mengambil kira konteks organisasi dengan semua pihak yang berkepentingan dan risiko dan peluang yang berkaitan
- Kami memastikan bahawa semua proses kerja adalah cekap dari segi ekonomi di samping mematuhi sepenuhnya syarat dan keperluan rangka kerja
- Proses diuruskan dengan sasaran dan angka utama dalam kitaran PDCA



## MISI KAMI

Kami berhasrat untuk terus meningkatkan manfaat produk dan perkhidmatan kami untuk pelanggan kami. Kami mahu menjadi pilihan yang pertama. Kejayaan syarikat pada masa ini dan masa hadapan bergantung pada kepuasan pelanggan kami. Matlamat kami adalah untuk melangkuai jangkaan pelanggan kami.